

Maka tiba-tiba mereka ditimpa oleh kebinasaan, seperti seorang perempuan yang hamil ditimpa oleh sakit bersalin — mereka pasti tidak akan lupa. Tetapi kamu, saudara-saudara, kamu tidak hidup di dalam kegelapan sehingga hari itu tiba-tiba mendatangi kamu seperti pencuri, kerana kamu semua adalah anak-anak terang dan anak-anak siang. Kita bukanlah orang-orang malam atau orang-orang kegelapan.

1 Tesalonika 5:4-6

November 19, 2023

www.heraldmalaysia.com



Deklarasi antara agama tentang alam ciptaan

VATIKAN: Takhta Suci telah menandatangani deklarasi antara agama untuk mengambil tindakan konkrit melindungi alam sekitar semasa sidang kemuncak agama yang diadakan menjelang persidangan perubahan iklim COP28 di Dubai.

Kardinal Pietro Parolin, setiausaha negara Vatikan, menandatangani kenyataan itu bagi pihak Sri Paus Fransiskus semasa Sidang Kemuncak Pemimpin Global Antara Iman di Abu Dhabi, Emiriah Arab Bersatu, November 6-7.

Dua puluh lapan pemimpin dari 19 agama, tradisi kepercayaan dan denominasi yang berbeza menyertai Deklarasi Antara Agama mengenai Tindakan Iklim Terhadap COP28, yang mengisytiharkan bahawa “iman kita me-

nanamkan kewajiban suci untuk menghargai bukan sahaja keluarga manusia tetapi juga berjuang memulihkan ekosistem yang rapuh.”

“Kami, wakil dari pelbagai iman dan tradisi Orang Asli ... bersidang di Abu Dhabi menjelang COP28 untuk menyatakan kebimbangan bersama kami terhadap peningkatan kesan iklim yang membahayakan planet kita yang berharga, serta prihatin akan keadaan umum kita, komited untuk bersama-sama menangani krisis global ini.”

“Ketika kami berdiri di pertemuan bersejarah ini, sambil memandang beratnya cabaran yang kita hadapi secara kolektif, kami tetap mengingat legasi yang akan kita tinggalkan untuk generasi akan datang,” kata dokumen itu.

“Kami bersungguh-sungguh memohon semua pembuat keputusan yang berhimpun di COP28 untuk bertindak dengan segera, mengorak langkah dan aksi bersama serta bertang-

gungjawab yang mendalam.

“Desakan masa ini menuntut kita bertindak pantas, bekerjasama, dan tegas untuk menyembuhkan dunia kita yang terluka dan memelihara kemegahan rumah kita bersama.”

Antara seruan tindakan yang dibuat oleh kenyataan itu adalah: ia meminta ketua negara, kerajaan dan pejuang-pejuang alam sekitar untuk “memperjuangkan pembangunan naratif ekologi berasaskan kepercayaan, pembelajaran berterusan, dan kesepaduan ajaran serta nilai ekologi dalam pendidikan, agama, dan institusi kebudayaan, memupuk pemahaman holistik tentang kesalinghubungan kita.”

Ia juga memerlukan penyertaan aktif dalam wacana awam mengenai perkara alam sekitar dan untuk “memimpin, mengejar dan membayangkan semula gaya hidup karbon rendah yang mampan serta kemajuan sosial yang berakar umbi selaras dengan bumi dan meng-

hormati sumbernya.”

Perhimpunan pemimpin agama itu dianjurkan oleh Majlis Penatua Muslim, Presidensi COP28, dan Program Alam Sekitar Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Walaupun perubahan iklim adalah “isu sekular” tetapi ia melibatkan dimensi etika dan moral,” kata Kardinal Parolin.

COP28, persidangan perubahan iklim tahunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, akan berlangsung di Expo City Dubai pada November 30 – Disember 12.

Vatikan telah mengumumkan bahawa Bapa Suci Fransiskus akan ke Dubai pada Disember 1-3. Prelatus itu dijangka berucap pada sidang kemuncak itu bersama-sama pemimpin agama lain. — CNA

Gambar: Kanak-kanak dibawa ke pusat perlindungan ketika taufan ganas Rai melanda kota Surigao, Filipina (Gambar: Jilson Tiu/Greenpeace).

Kanak-kanak Islam, Kristian berdoa untuk keamanan

YERUSALEM: Kanak-kanak Islam dan Kristian yang belajar di sekolah Fransiskan di Yerusalem, berhimpun untuk melukis, menulis dan berdoa bersama-sama pada November 4 lalu.

Bersama-sama, mereka menyeru agar peperangan segera berakhir. 400 kanak-kanak dan remaja, berumur antara tiga dan lapan belas tahun, merayu agar keganasan dihentikan dan mereka bersatu serta berdoa menentang kebencian dan kematian apabila tanah mere-

ka musnah.

Fr Ibrahim Faltas, Vikaris Fransiskan Penjaga Tanah Suci di Yerusalem, menjelaskan bahawa beliau menjemput kanak-kanak itu untuk berkumpul untuk menyatakan bantahan mereka terhadap perang. Kanak-kanak itu juga mengecat beberapa dinding Yerusalem, memberi bentuk dan warna yang mengungkapkan pemikiran dan harapan mereka.

Salah satu lukisan menunjukkan Yesus, bersama-sama dengan be-

berapa kanak-kanak Salah seorang daripada kanak-kanak yang dilukis itu mempunyai ekspresi sedih, “kerana ia mewakili semua kanak-kanak Tanah Suci: di Gaza, Jenin, Nablus, Tel Aviv, Jaffa, kerana semua kanak-kanak Tanah Suci, baik Palestin dan Israel, menderita akibat perang ini.”

Tegasnya, “Kanak-kanak ini, dia memberingin hidup seperti semua kanak-kanak di dunia, hidup dengan aman dan damai di tanah kelahiran mereka, Tanah Suci.” — media Vatikan



Pelajar Islam dan Kristian di sekolah di Yerusalem berdoa untuk keamanan.

Cinta melangkaui maut

Gilbert K. Chesterton pernah menyatakan bahawa agama Kristian adalah satu-satunya agama “demokrasi” di mana orang mati pun boleh “mengundi”. Sehubungan itu, saya berkongsi dua kisah.

Seorang ahli psikologi yang saya temui di sebuah persidangan, mengongsikan kisah ini. Seorang wanita datang menemuinya dalam keadaan tertekan.

Keresahan wanita itu berpunca dengan perbualan terakhir beliau dengan suaminya, sebelum si suami meninggal dunia.

Wanita itu menceritakan bagaimana dia dan suaminya menikmati perkahwinan yang baik selama lebih daripada tiga puluh tahun, dan tidak pernah terjadi pertengkaran bear antara mereka.

Kemudian pada suatu pagi, mereka bergaduh tentang perkara remeh (yang dia sendiri tidak ingat apa yang digaduhkan).

Pergaduhan itu berakhir dengan kemarahan dan si suami keluar rumah dengan menghentak pintu untuk pergi bekerja — dan mati akibat serangan jantung pada hari itu, sebelum mereka mempunyai peluang untuk bercakap lagi.

Alangkah malangnya nasib! Tiga puluh tahun tanpa insiden seperti ini, dan sekarang ini, kata-kata terakhir mereka adalah dalam kemarahan kepada satu sama lain!

Ahli psikologi, secara berjenaka memberitahu wanita itu bahawa kesalahan terletak pada pihak suaminya kerana memilih untuk mati pada saat yang janggal itu, menin-

ggalkan dia dengan rasa bersalah itu!

Kemudian dengan nada serius, ahli psikologi itu bertanya kepadanya, “jika suami anda ada di sini sekarang, apa yang ingin anda katakan kepadanya?”

Wanita itu menjawab bahawa dia akan meminta maaf dan meyakinkan suaminya bahawa sepanjang tahun mereka bersama, pergaduhan terakhir mereka hanyalah insiden kecil yang tidak bermakna apa-apa, bahawa cinta mereka lebih kuat.

Ahli psikologi itu menegaskan kepada wanita itu bahawa suaminya masih hidup dalam persekutuan orang kudus dan ketika ini, hidup bersama mereka.

Kemudian dia berkata kepada wanita itu, “mengapa kamu tidak duduk di kerusi ini dan beritahu dia apa yang baru kamu katakan, bahawa cinta setia kamu lebih kuat dan benar-benar telah melenyapkan percakapan terakhir kamu.”

Cerita kedua. Baru-baru ini, saya bertemu dengan keluarga di mana si bapa telah meninggal dunia akibat bunuh diri dua puluh tahun yang lalu.

Selama bertahun-tahun, mereka telah menerima kenyataan dan tenang, walaupun, seperti kebanyakan keluarga yang kehilangan orang tersayang akibat bunuh diri, beberapa kesan yang tidak selesai masih kekal.

Mereka telah lama memaafkannya, memaafkan diri mereka sendiri atas kegagalan mereka,



dan memaafkan Tuhan atas ketidakadilan kematian si bapa.

Tetapi ada sesuatu yang masih belum selesai, sesuatu yang mereka rasa tetapi tidak dapat mengutarakannya dengan jelas (walaupun sudah dua puluh tahun, walaupun sepanjang masa telah memaafkan dan walaupun mereka memahami secara lebih empatik tentang bunuh diri).

Saya juga tidak dapat mengungkapkannya, tetapi saya boleh mencadangkan solusi.

Saya mencadangkan mereka mengadakan perayaan ritual di mana mereka akan meraikan cinta untuk bapa mereka, merayakan hidupnya, kerja dan karya-karyanya, dan berusaha untuk menerima sepenuhnya hati kematiannya yang malang.

Berikut adalah cadangan-cadangan tersebut: *Pilih hari, mungkin hari lahirnya atau ulang tahun kematiannya. Adakah pertemuan*

keluarga dan raikan perayaan itu dengan meriah, lengkap dengan champagne, wain dan belon. Kongsi cerita tentang dia dengan menekankan kisah-kisah di mana dia gembira, apa yang membuatnya tertawa, bagaimana sikapnya ketika sedang bersemangat dan di mana dia membawa tenaga istimewa yang mempengaruhi orang-orang di sekelilingnya. Raikannya dengan makanan, wain, champagne, gelak ketawa, dan cinta.

Dia akan berada di sana dengan anda. Anda masih dalam perhubungan hidup dengannya. Dia gembira sekarang. Raikan itu dengan dia. Angkatlah dua puluh tahun yang berat itu. Ketidadaan perayaan sebegini adalah apa yang masih belum terungkap antara anda dan dia.

Kisah-kisah seperti ini boleh kedengaran khayalan, angan-angan, tetapi ia berlandaskan pada doktrin Kristian yang kukuh dan jelas, iaitu, ia berakar pada iman yang memberitahu kita bahawa kita berada dalam kesatuan hidup antara satu sama lain di dalam Tubuh Kristus.

Sebagai orang Kristian, kita percaya (doktrin dalam iman kami) bahawa kita berada dalam kesatuan antara satu sama lain di dalam tubuh yang hidup (sebuah organisma, bukan sebuah syarikat) dan bahawa kesatuan dalam satu tubuh ini mengambil kita semua, baik yang hidup mahupun yang mati.

Kita boleh berkomunikasi

antara satu sama lain, meminta maaf antara satu sama lain, menebus satu sama lain, dan meraikan kehidupan dan tenaga masing-masing, walaupun selepas salah seorang daripada kita meninggal dunia.

Sebagai orang Kristian, kita dijemput untuk berdoa bagi orang yang telah meninggal dunia. Ini tidak menghairankan, sesetengah orang Kristian menolak perkara ini, memprotes bahawa Tuhan tidak perlu diingatkan untuk berbelas kasihan dan pengampun.

Betul kata mereka, tetapi akhirnya itu bukanlah sebab kita berdoa arwah orang tersayang.

Walaupun formula doa yang biasa kita gunakan yang meminta Tuhan untuk berbelas kasihan, niat sebenar doa kita untuk orang mati adalah untuk kita terus berhubung, berkomunikasi tentang kehidupan dengan mereka.

Niat sebenar doa dan perayaan ritual untuk orang mati adalah untuk terus berada dalam komunikasi kehidupan yang lebih disengajakan dengan mereka, untuk menyelesaikan urusan yang belum selesai dan untuk meminta maaf kepada mereka.

Niat sebenar doa kita adalah juga untuk meminta mereka memaafkan kita, untuk bersyukur atas oksigen istimewa yang mereka sedut di planet ini semasa hidup mereka, dan sesekali berkongsi segelas wain untuk meraikan perayaan dengan mereka. — **Hakcipta Terpelihara 1999-2023 @ Fr Ron Rolheiser**

Memikul tanggungjawab meskipun perkara kecil

Injil Matius hari ini memuat ajaran-Nya tentang nilai bakat-bakat atau talenta, yang diberikan Tuhan kepada setiap orang. Perumpamaan tentang talenta itu (Mat 25:14-30) sebelumnya didahului dengan perumpamaan tentang 10 gadis yang bijaksana dan bodoh (Mat 25:1-13). Dan sesudahnya perumpamaan tentang penghakiman terakhir (Mat 25:31-46).

Ketiga-tiga perumpamaan itu semuanya memberi keterangan tentang hal-hal mutlak penting yang harus diperhatikan tentang Kerajaan Tuhan yang diwartakan dan didirikan oleh Yesus Kristus.

Dengan perumpamaan tentang talenta dalam Injil Matius hari ini Yesus mahu menerangkan apa yang harus diperhatikan dan dilaksanakan dalam Kerajaan Tuhan, yang diwartakan dan didirikan-Nya.

Setiap orang diberi Tuhan bakat, talenta, karisma. Dengan pemberian Tuhan itu kita masing-masing dapat saling memberi dan menerima. Yesus berhadapan dengan ramai orang Yahudi, yang memandang Tuhan sebagai seorang hakim yang kejam, yang akan menilai dan mengadili manusia menurut uku-

HARI MINGGU BIASA KE-33 TAHUN A

AMSAL 31, 10-13. 19-20. 30-31;

1 TESALONIKA 5, 1-6.

INJIL MATIUS 25, 14-30 (ATAU 14-15. 19-20)

ran ketaatannya dalam melaksanakan hukum.

Manusia semacam itu hidup dalam ketakutan dan kekhuatiran, sehingga mengalami banyak kesukaran untuk bertumbuh dan berkembang menjadi manusia dewasa dan matang. Untuk menolong dan mengubah sikap hidup orang yang hidup dalam ketakutan itu, Yesus berceritera tentang talenta-talentanya dan sikap serta cara untuk menggunakannya.

Tuhan memberikan talenta kepada setiap orang sesuai dengan kemampuannya. Tetapi reaksi, jawaban atau penggunaan talenta mereka masing-masing tidak sama.

Kedua-dua orang hamba yang menerima banyak talenta tahu menggunakannya dan menggunakan apa yang diberikan kepada mereka. Oleh itu, mereka

diberi kepercayaan lebih besar.

Tetapi hamba yang ketiga tidak menggunakannya, malahan hanya menyembunyikannya kerana takut akan kehilangan talentanya itu.

Hamba ini memandang Tuhan sebagai seorang hakim yang tidak bertimbang rasa dan kejam. Oleh kerana itu, hamba yang ketiga tersebut berasa takut.

Orang yang mempunyai pandangan bahawa Tuhan sangat tegas dan kejam, akan hidup dan berbuat hanya dengan tujuan agar jangan sampai dihukum Tuhan.

Orang seperti itu sebenarnya bukan orang yang percaya kepada Tuhan yang maha adil dan mahakasih.

Tanggapan yang disampaikan oleh si pemilik wang kepada hamba ketiga merupakan suatu



teguran yang keras.

Beliau berkata: “Seharusnya wangku itu kuberikan kepada orang yang menjalankan wang, supaya sekembaliku aku menerimanya serta dengan bunganya” (Mat 25:27).

Dengan bahasa kita sekarang kata-kata Yesus itu dapat diterjemahkan sebagai berikut: “Seharusnya wangku itu kau bawa ke sebuah Bank, maka aku akan mendapat bunganya, baik sedikit mahupun banyak”. — Ternyata pandangan hamba ketiga itu, iaitu bahawa Tuhan adalah keras atau kejam, adalah salah!

Kalau Tuhan adalah keras atau kejam, maka Dia akan menyimpan wang titipannya itu di sebuah bank.

Maka hukuman yang diberikan Tuhan kepada hambanya itu bukan kerana Tuhan adalah keras atau kejam, melainkan kerana kesalahan hamba itu sendiri, kerana dia memiliki pandangan tentang Tuhan yang keliru!

Pandangan yang keliru tentang Tuhan, itulah yang membuat manusia menderita dan sengsara! Tuhan yang sebenarnya baik dan penuh kasih dianggap keras dan kejam.

Talentanya atau “wang” yang dimaksudkan dalam perumpamaan Injil Matius hari ini adalah “kekayaan” yang ada di dalam Kerajaan Tuhan, iaitu kasih, pelayanan, pengabdian, berbakat diri, kebersamaan.

Sebaliknya setiap orang yang tidak hanya memikirkan dirinya sendiri, dan memberikan milik diri peribadinya sendiri kepada sesama, akan bertumbuh dan berkembang, bahkan menerima kembali apa yang diberikannya, malahan lebih banyak dari apa yang diberikannya kepada orang lain. — **Iman Katolik**

KEP bermula di Keuskupan Keningau

KENINGAU: Uskup Cornelius Piong menyatakan bahawa Kursus Evangelisasi Peribadi (KEP) adalah sesuatu yang sangat baik untuk disertai oleh umat, kerana pengetahuan yang dipelajari kelak akan membantu mereka dalam proses mengenal siapa Tuhan yang sebenar.

Prelatus itu berkata demikian semasa menyampaikan homili dalam Misa pembukaan Kursus Evangelisasi Peribadi (KEP) pada Oktober 29 di Pusat Ziarah Keluarga Kudus, Nulu Sosopon (PZKKN).

KEP adalah anjuran gabungan tiga Komisi Kateketikal Keuskupan/Agung di Sabah. Kursus itu adalah efektif dan menggunakan kaedah sederhana untuk mempersiapkan serta melatih umat Katolikewartakan Injil kepada orang-orang yang dijumpai sehari-hari.

Bagi Keuskupan Keningau, ia mendapat penyertaan seramai 79 orang.

"Mengetahui Tuhan adalah satu proses yang berterusan, maka apa yang kita pelajari dari KEP ini pasti sangat membantu kita secara peribadi, malah kita boleh kongsi kepada keluarga, KKD dan kepada mereka yang belum mengenal Kristus," ujar Uskup Cornelius lagi.



Sr Dariah Ajap, FSIC, Koordinator Komisi Kateketikal Keuskupan Agung Kota Kinabalu mengatakan "KEP adalah selari dengan Gereja Sinodal yang menekankan tiga aspek iaitu Partisipatif, Persekutuan dan Misi, dengan harapan agar para peserta dapat memimpin diri mereka sendiri untuk lebih mendekati Yesus secara peribadi. Gereja wujud untuk menginjil oleh itu Misi Evangelisasi ini berasal dari Gereja, oleh Gereja dan untuk Gereja.

Uskup Cornelius juga mengucapkan terima kasih kepada tenaga pengajar KEP iaitu

Sr Liza Jamat, FSIC dan Sr Patricia Limun, FSIC atas usaha mereka untuk mengadakan kursus ini di Keuskupan Keningau.

Bagi Keuskupan Keningau, kelas KEP ini telah pun bermula pada Oktober 23 dan dijangka berakhir pada April 2024. Kelas akan diadakan setiap hari Isnin dan Selasa, pada jam 7.00 malam secara *hybrid* (online dan fizikal) — *Juanis bin Marcus*

Kanak-kanak perlihatkan kesatuan erat para kudus dengan Yesus

BANTING: Gereja Sto Peter dan Paul dipecah dengan kehadiran 'orang-orang kudus kecil' semasa perayaan Ekaristi pada Oktober 29, sempena persiapan Hari Orang Kudus.

Kanak-kanak dari kelas Katekismus dan

tang ke Gereja dengan busana orang kudus pilihan mereka.

Melihat kanak-kanak yang berbusana orang kudus, dan berjalan dengan penuh khidmat serta kebaktian dalam berarak masuk bersama Fr Richard Anthonysamy SJ, mengingatkan umat akan karya-karya para kudus yang banyak berkorban dan terkorban semasa menjalankan misi. Fr Richard sendiri mengatakan, "Hari ini rasanya seperti kita berada di syurga bersama orang-orang kudus."

Kanak-kanak dan ibu bapa mereka turut

mengongsi perasaan mereka. Misalnya pasangan Kevin dan Christina berusaha mendapatkan busana Sto Yosef, untuk dipakai oleh anak mereka, Zachary. Sto Yosef, suami Bonda Maria adalah santo pelindung bagi keluarga mereka.

Dua beradik, Misha, 15 dan Samitha Clement, 12 masing-masing memilih untuk mengenakan busana Sta Teresa Kanak-kanak Yesus dan Sta Maria Teresa Goretti.

Misha meneladani Sta Teresa yang suka berkebun dan menanam bunga manakala Samitha diinspirasi dengan semangat mencintai Ekaristi oleh Sta Maria Teresa Goretti.

Kanak-kanak lain yang melihat rakan-rakan mereka memakai busana para kudus turut tertarik dan teruja mengetahui kisah-kisah hidup para santo tersebut.



Tanya Jawab



Adakah anda mempunyai persoalan agama, Kitab Suci atau ajaran Gereja? Hantarkan soalan anda ke:

HERALD
5, Jalan Robertson,
50150 Kuala Lumpur

Tel: 03-2026 8291

Email:
liza@herald.com.my

Mengapa Maria yang melahirkan Yesus digelar Perawan?

Soalan I: Mengapa Maria itu Perawan?

Tuhan mengkehendaki bahawa Yesus Kristus seharusnya mempunyai seorang ibu manusia yang benar tetapi hanya Tuhan sahaja sebagai Bapa-Nya, kerana Dia ingin membuat satu permulaan baru yang boleh dikaitkan kepada-Nya sahaja dan tidak kepada kuasa-kuasa duniawi. [484-504, 508-510]

Keperawanan Maria bukanlah tanggapan mitologi yang ketinggalan zaman tetapi asas kepada kehidupan Yesus. Dia dilahirkan dari seorang wanita tetapi tidak mempunyai bapa manusia. Yesus Kristus merupakan satu permulaan baru di dunia yang telah dimulakan dari atas.

Dalam Injil Lukas, Maria bertanya kepada malaikat itu, "Bagaimana hal itu mungkin, kerana aku belum bersuami?" (Tidak tidur dengan seorang lelaki, Luk 1:34); malaikat itu menjawab, "Roh Kudus akan turun atasmu" (Luk 1:35).

Walaupun Gereja sejak awal diejek disebabkan kepercayaan terhadap keperawanan Maria, Gereja sentiasa percaya bahawa keperawanan itu adalah benar dan tidak sekadar simbolik.

Soalan II: Adakah Maria mempunyai anak-anak lain selain Yesus?

Tidak. Yesus adalah satu-satunya anak Maria dalam erti kata fizikalnya.

Walaupun pada Gereja awal, keperawanan

kekal Maria telah mengandaikan, yang menolak kemungkinan Yesus mempunyai adik-beradik daripada ibu yang sama.

Dalam bahasa Aramaik, bahasa ibunda Yesus, hanya ada satu perkataan saja untuk merujuk kepada adik-beradik dan sepupu. Apabila Injil bercakap mengenai "saudara-saudara" Yesus (misalnya, Mk 3:31-35), ia merujuk kepada saudara terdekat Yesus.

Soalan III: Apakah maksud "Maria dikandung Tanpa Noda Dosa"?

Gereja percaya bahawa "Perawan Maria adalah, dari saat pertama dikandung, oleh rahmat tunggal dan keistimewaan Tuhan Yang Maha Kuasa dan berdasarkan merit Yesus Kristus, Penyelamat umat manusia, dipelihara daripada segala noda dosa asal" (dogma tahun 1854; 'DOGMA') [487-492, 508].

Kepercayaan kepada Maria Dikandung Tanpa Noda Dosa telah wujud sejak awal Gereja.

Ungkapan ini disalah fahami hari ini. Ia mengatakan bahawa Tuhan memelihara Maria daripada dosa asal dari awal lagi. Ia berkata apa-apa tentang Yesus dikandung di dalam rahim Maria.

Ini tidak sama sekali bermaksud untuk merendahkan nilai seksualiti di dalam agama Kristian, seolah-olah suami dan isteri akan menjadi "tercemar" jika mereka melahirkan anak. 68-69

Soalan IV: Adakah Maria hanya sekadar instrumen Tuhan?

Maria bukan semata-mata instrumen atau sarana Tuhan yang pasif. Penjelmaan Tuhan juga berlaku melalui persetujuan aktif. [493-494, 508-511].

Apabila malaikat itu memberitahu bahawa dia akan mengandung "Anak Tuhan", Maria menjawab, "jadilah padaku menurut perkataanmu itu" (Luk 1:38). Penebusan manusia oleh Yesus Kristus dengan itu bermula dengan permintaan oleh Tuhan dan persetujuan bebas manusia makhluk — dan kehamilan yang berlaku sebelum Maria berkahwin dengan Yusuf. Oleh jalan yang luar biasa ini Maria menjadi bagi kita "Pintu Keselamatan". 479

Soalan V: Mengapa Maria, ibu kita juga?

Maria ialah ibu kita kerana Kristus Tuhan memberikan dia kepada kita sebagai ibu. [963-966, 973] "Ibu inilah anakmu ... inilah ibumu" Yoh 19:26b-27a).

Arahan kedua, yang Yesus katakan di atas salib kepada Yohanes, sentiasa difahami oleh Gereja sebagai sesuatu tindakan mempercayakan seluruh Gereja kepada Maria.

Oleh itu, Maria adalah ibu kita juga. Kita boleh memanggil dan meminta dia untuk mengantari doa kita kepada Tuhan. 147-149 — *Katekismus Belia Katolik/Youcat*

Sahabat kecil Yesus

Lengkapkan gambar di bawah dan warnakan.



Engkau telah setia dalam perkara kecil, aku akan memberikan kepadamu tanggung jawab dalam perkara yang besar. Masuklah dan turutlah dalam kebahagiaan tuanmu. (Mat 25: 21)

Selesaikan kod rahsia di bawah

Akulah pokok 🌳
dan kamulah ranting-rantingnya.
Sesiapa ❄️
di dalam &&& dan
&&& di ☁️ dia,
dia 🍎 banyak, sebab
di luar &&& kamu
tidak dapat
💎 apa-apa.

&&& : Aku 💎 : berbuat

❄️ : Tinggal 🌳 : anggur

☁️ : dalam 🍎 : berbuah

Hello adik-adik,

Semoga adik-adik dalam keadaan yang sihat sejahtera. Pada bulan lalu, seorang rakan antie dari luar negara datang melawat antie. Dia tinggal bersama keluarga antie untuk beberapa minggu.

Pada mulanya, antie berasa kurang selesa kerana harus memikirkan apa masakan yang sesuai dan adakah rumah antie selesa untuknya.

Tetapi, sepanjang dia tinggal bersama antie, dia sentiasa menggembirakan kami dan tidak minta dilayani. Sebaliknya dia menggunakan bakat memasak untuk menyediakan sarapan hinggalah makan malam untuk kelu-

arga antie.

Bukan itu sahaja. Dia juga menawarkan khidmatnya untuk memasak di sebuah pusat warga emas untuk beberapa hari kerana tukang masaknya bercuti.


Adik-adik, apa yang antie ingin kongsi-kan di sini ialah, bakat atau kepandaian kita adalah anugerah Tuhan. Seperti rakan antie, dia menggunakan bakat memasak untuk menghiburkan dan memberi makan pada yang memerlukan!

Apakah bakat yang Tuhan kurniakan kepada adik-adik? Adakah adik-adik menggunakannya untuk melayani Tuhan dan sesama?

Antie Melly

PANDUAN BERMAIN:

1. Sediakan dadu dan syiling (boleh digantikan dengan butang atau apa sahaja)
2. Setiap seorang pemain hendaklah mempunyai 10 syiling.
3. Lantik seorang 'pengurus' bank. Pengurus bank mempunyai 10 syiling untuk satu pemain. Jika ada dua pemain, maka pengurus bank mempunyai 20 syiling, begitulah selanjutnya. Dia tidak bermain tetapi mengambil dan memberi syiling.
4. Buang dadu dan setiap pemain secara bergilir, bermain mengikut arahan seperti yang ditulis pada permainan.
5. Pemenang ialah pemain yang 'menyimpan' banyak syiling, bukan pemain yang pertama tamat permainan.
6. Jika syiling pemain habis semasa permainan, pemain terpaksa berundur dari permainan.
7. Bermainlah dengan adil.



BELIA MILENIUM



Jaringan Orang Muda Katolik sukses anjur kem kepimpinan

PLENTONG, JOHOR: Kem Latihan Pe-mimpin Kristian di kampus (L.I.T.) untuk Keuskupan Melaka Johor (MJD) telah diadakan pada Oktober 20-21 lalu di Pusat MAJODI, Plentong.

Acara tahunan ini dianjurkan oleh Jaringan Orang Muda MAJODI, bermatlamat untuk melatih para pemimpin kampus MJD serta melengkapkan mereka dengan pengetahuan dan kemahiran untuk memberikan pelayanan terbaik bagi perkumpulan Kristian di kampus sekitar MJD.

Seramai 28 peserta dari lapan persatuan Mahasiswa Katolik serta Christian Fellowships (CF) dari Melaka dan Johor.

Sesi-sesi dalam program ini merangkumi tiga ceramah dan tiga bengkel. Setiap sesi memberi tumpuan kepada kepimpinan, pemuridan dan misi.

Terdapat juga sesi bengkel yang merangkumi gaya kepimpinan, kemahiran membuat keputusan dan komunikasi.

Strategi keuskupan untuk menggunakan 4E – Pertemuan (Encounter), Pencerahan (Enlightenment), Pemperkasaan (Empowerment), dan Penginjilan (Evangelisation) – diperha-



Para peserta dalam salah satu aktiviti mereka.

lusi dalam setiap sesi demi membimbing para pemimpin belia Kristian sejati serta mempunyai hubungan akrab dengan Tuhan.

Satu lagi kemuncak program ini ialah permainan sukan yang memupuk semangat kerja berpasukan melalui permainan bola kapten dan frisbee. Mereka juga aktif dalam sesi perkongsian dan mengikuti meditasi dan membaca serta berkongsi tentang firman Tuhan dalam

Lectio Divina.

Ungkapan penghargaan kepada Fr William Pillai yang merayakan Misa Kudus bersama para peserta di Chapel of St James pada hari terakhir program.

Beberapa peserta memberikan perkongsian mereka tentang pengalaman mereka:

– “Saya mempelajari pelbagai kemahiran dan meningkatkan kecekapan saya untuk menjadi pemimpin yang

lebih baik.” – **Bryan Yap, Persatuan Mahasiswa Katolik GIFT**

– “Saya belajar tentang kepimpinan Yesus yang sangat berbeza dengan kepimpinan duniawi.” – **Dana Eve, CF EPIC**

– “Apa yang saya pelajari tentang kemahiran dan semangat sebagai pemimpin Kristian akan saya kongsi kepada komiti yang seterusnya.” – **Shayne Louie, CSS CHRIST**

Berita belia dari luar negara

Beri peluang kepada Kristus untuk mendampingi anda

BANGALORE, India: Persidangan Kebangsaan Belia Yesus Jaago 2023 telah memberi peluang kepada kaum muda untuk menjadi misionari Gereja yang sejati.

Diadakan di Kolej Dharmaram, acara itu memberi inspirasi kepada 17,500 belia untuk menjadi ahli Gereja yang unik dan bersatu.

Diadakan pada Oktober 21-24, sesi-sesi dalam persidangan itu menawarkan kesempatan bagi golongan muda dari seluruh India untuk menjalani kehidupan misionari, sambil mencapai keseimbangan antara kehidupan peribadi, kekeluargaan dan penginjilan.

Sebelum persidangan, diadakan perarakan relik Sri Paus Santa Yohanes Paulus II yang dibawa ke 28 negeri dan melawat lebih 500 paroki, menjangkau lebih setengah juta umat beriman dan pada persidangan belia, relik Santo itu dihormati serta ber-



Puluhan ribu belia menyertai persidangan Belia Yesus

doa kepada orang kudus itu agar belia sentiasa berani melakukan misi yang diamanahkan oleh Tuhan kepada mereka.

“Anda semua sangat berharga di

mata Tuhan. Anda adalah hasil karya Tuhan yang hebat,” ujar Msgr Juan Pablo Cerrillos Hernandez, Kaunselor Nunsatur Apostolik ke India dan Nepal, kepada para peserta persidangan.

Msgr Juan Pablo menyeru para belia untuk menjadi misionari dan murid Kristus seraya menggalakkan mereka dengan berkata, “Apabila Yesus meminta sesuatu daripada anda, atau sekadar membuat anda menghadapi cabaran hidup, Dia berharap anda akan memberi ruang kepada-Nya untuk mendampingi anda.”

Puluhan ribu peserta juga berhibur sambil memuji Tuhan dengan sebuah kumpulan muzik, Rex Band. Rex Band ialah kumpulan muzik Katolik pertama dari India yang dijemput untuk membuat persembahan pada Hari Belia Sedunia pada tahun 2002.

Salah seorang ahli Rex Band, Stephen Devassy berpesan kepada belia, “Kemahsyuran dan wang bukanlah yang kejayaan yang seharusnya kita cari. Kejayaan adalah apabila anda memberi inspirasi kepada individu lain melalui kerja anda untuk kemuliaan Tuhan.” – *media Vatikan*

Sri Paus ajak kanak-kanak lakukan karya-karya kebaikan

VATIKAN: Dalam perayaan kehidupan, perdamaian, kegemilangan dan kerukunan, ribuan kanak-kanak yang mewakili kaum muda dari setiap benua menyambut Sri Paus Fransiskus dalam sebuah acara di Dewan Paulus VI Vatikan.

Kanak-kanak dari pelbagai belahan dunia itu menyanti di atas pentas dan seorang bintang pop Itali, menampilkan singel popularnya, “*Super Heroes*”.

Acara pada November 6 itu dianjurkan oleh Dikasteri Kebudayaan dan Pendidikan serta dihadiri lebih 6,000 kanak-kanak dari Itali dan seluruh dunia.

Didedikasikan terhadap pentingnya perdamaian, persaudaraan, memupuk rasa hormat terhadap sesama dan ciptaan, acara itu bertema, “Mari Kita Belajar dari Kanak-kanak,” yang memusatkan perhatian akan keinginan sederhana



Sri Paus semasa sesi soal jawab bersama kanak-kanak.

na dan ketulusan kanak-kanak untuk perdamaian dan kerukunan di dunia.

Pertemuan itu juga diselitkan dengan sesi soal jawab, di antara kanak-kanak dan Sri Paus.

“Ada banyak hal yang dapat

dipelajari dari kamu,” kata Sri Paus kepada kanak-kanak tersebut.

“Aku selalu gembira bertemu dengan kalian kerana kamu mengajar saya sesuatu yang baharu setiap saat. Misalnya, kamu mengingatkan saya betapa indahn-

ya hidup dalam kesederhanaan dan betapa indahnya kebersamaan!”

“Dua anugerah besar yang Tuhan berikan kepada kita iaitu kehidupan dan kebersamaan.

Bapa Suci menggalakkan

kanak-kanak untuk menjalani usia muda mereka, yang merupakan “usia yang indah” dan membina pendirian, penegasan, perasaan dan pengalaman dari kisah-kisah pengalaman yang mereka dengar dari orang dewasa.

Bapa Suci juga menyeru kanak-kanak untuk mengingat semua kanak-kanak sebaya mereka yang menderita akibat perang, kelaparan, bencana iklim, dan kemiskinan.

“Kamu tahu ada orang jahat yang melakukan hal buruk, mereka berperang dan menghancurkan. Apakah kamu ingin melakukan hal buruk ini?” tanya Sri Paus kepada kanak-kanak yang menjawab “Tidak!”

Pada akhir ucapannya, Sri Paus menyeru kanak-kanak dengan kata-kata ini: “Kita harus bekerja untuk perdamaian kerana damai itu indah!” — *media Vatikan*

Hak asasi manusia didahulukan dari kepentingan nasional



Pelarian dari Afghanistan kembali ke sempadan negara setelah diusir keluar dari Pakistan. Gambar: Media Vatikan

NEW YORK: Perwakilan Takhta Suci di PBB mengatakan migrasi adalah “tindakan semulajadi manusia apabila menghadapi krisis, berdasarkan keinginan universal manusia untuk mendapatkan kehidupan yang lebih baik.”

Uskup Agung Gabriele Caccia, Pemerhati Tetap Takhta Suci untuk Persatuan Bangsa-Bangsa (PBB) berucap pada pertemuan Majlis Umum PBB tentang “Pengusiran warga asing.”

Uskup Agung Caccia menyatakan bahawa pelarian, pencari suaka, migran, dan mangsa penyeludupan manusia, adalah tidak adil untuk dipersalahkan atas permasalahan sosial di negara asal mereka.

Prelatus itu menegaskan ramai orang terpaksa meninggalkan rumah mereka kerana penganiayaan, kekerasan, bencana alam, dan kemiskinan.

“Migrasi, dalam situasi seperti ini, merupakan tindak balas semulajadi manusia terhadap krisis, berdasarkan keinginan universal

manusia untuk mendapatkan kehidupan yang lebih baik,” katanya.

Uskup Agung itu juga mengulas rencana Komisi Hukum Internasional.

Beliau memuji mereka kerana menekankan pentingnya hak asasi manusia dan martabat manusia di atas kepentingan nasional.

Uskup Agung secara khusus menerima baik Pasal 5, yang menyatakan bahawa tindakan berkaitan dengan pengusiran orang asing harus dilakukan sesuai dengan kerangka hukum domestik dan kewajiban Negara berdasarkan undang-undang antarabangsa.

Prelatus itu juga menyatakan sokongan kuat Takhta Suci terhadap perluasan prinsip *non-refoulement* (yang mencegah negara memulangkan individu ke negara di mana terdapat risiko nyata menjadi sasaran penganiayaan, penyesakan, perlakuan tidak manusiawi atau merendahkan martabat), serta pembatasan hukuman mati secara progresif. — *media Vatikan*

Bapa Suci baptis bayi Ukraine

TAKHTA SUCI: Sri Paus Fransiskus telah membaptis bayi lelaki berusia tiga bulan yang merupakan anak kepada pasangan suami isteri dari Ukraine, Vitaly dan Vita.

Detik-detik indah ritus pembaptisan itu dijalankan di Casa Santa Marta pada petang Isnin, November 6.

Keluarga itu tinggal di Kami-anets-Podilskyi, di bahagian barat Ukraine, mengalami kesan teruk selepas Rusia melancarkan perang terhadap Ukraine pada Februari tahun lalu.

Mereka merupakan anggota pergerakan *Neocatechumenal Way* dan mengatakan bahawa dalam beberapa tahun kebelakangan ini, mereka telah mengalami Pemeliharaan Tuhan di tengah-tengah banyak kesulitan keluarga, yang diburukkan lagi oleh pencerobohan Rusia.

“Kami menanggung segala-galanya, terima kasih kepada Tuhan, kerana Tuhan sentiasa menjaga keluarga kami,” kata Vita “Dengan peperangan di negara



Bapa Suci membaptis seorang bayi dari Ukraine.

kami, keadaan rakyat sangat sukar. Semua orang berdoa agar perang ini berakhir segera dan berharap agar semua tawanan perang dapat dilepaskan dan dibenarkan pulang ke rumah agar tiada lagi pembunuhan.

Upacara pembaptisan bayi mereka yang diketuai oleh Sri Paus Francis merupakan sebuah berkat yang

sangat indah bagi mereka, setelah bertahun hidup dalam tekanan dan kebimbangan akibat peperangan. “Kami tidak pernah menyangka, anak kami akan dibaptis oleh Bapa Suci. Tuhan telah memberi kami peluang untuk mengalami peristiwa hebat dan penuh berkat dalam keluarga kami,” kata Vita. — *media Vatikan*

Misi pembaptisan mengingatkan kita akan sukacita Injil

KOTA VATIKAN: Hamba Tuhan Madeleine Delbr l menawarkan teladan bagaimana menyahut panggilan pembaptisan dan berkongsi sukacita Injil.

Sri Paus Fransiskus menyampaikan renungan ini semasa Audiensi bersama umat awam pada pagi Rabu, November 8 di Dataran Sto Petrus.

Bapa Suci menggesa umat beriman untuk belajar daripada pekerja sosial, penulis dan mistik Perancis abad ke-20, yang, selama lebih tiga dekad, hidup, berdoa dan bekerja di kalangan orang miskin di pinggir kota Paris.

Pernah dipengaruhi dengan cara

hidup agnostisisme pada masa mudanya, Madeleine bertemu dengan Kristus melalui kesaksian rakan-rakannya, dan, selepas menjadi pengikut Kristus, beliau memilih untuk menjalani kehidupan rohani yang sepenuhnya dengan mengabdikan diri kepada Tuhan, di tengah-tengah Gereja dan dunia.

“Dia pergi mencari Tuhan,” kata Bapa Suci, “memuaskan dahaga yang mendalam yang dia rasakan dalam dirinya.” Dengan berbuat demikian, Hamba Tuhan Madeleine mula memahami “bahawa ‘kekosongan yang mengerit dalam kesedihannya’ ialah Tuhan yang mencarinya.”

“Kegembiraan iman, memantangkan Madeleine untuk memilih hidup untuk Tuhan, dan berkongsi dalam persaudaraan dengan ‘orang-orang jalanan’.”

Bapa Suci juga mengimbas kembali tulisan Madeleine yang secara puitis memanggil Yesus, “Untuk bersama-Mu dalam perjalanan iman, aku harus pergi, walaupun kemalasan cuba menghambat kaki ku.”

Contoh semangat kerasulan Madeleine Delbr l, kata Bapa Suci, mengingatkan kita tentang misi pembaptisan kita sendiri untuk berkongsi sukacita Injil dengan orang lain. — *media Vatikan*

DOA MALAIKAT TUHAN BERSAMA SRI PAUS FRANSISKUS

Praktikkan apa yang kita ucapkan

VATIKAN: Sri Paus Fransiskus memberi tumpuan kepada dua dimensi bacaan Injil hari Minggu iaitu tentang Yesus bercakap tentang penyelewengan para pemimpin agama pada masa itu yang “berkhutbah sahaja tetapi tidak melakukan apa yang dihutbahkan” dan “menunjuk-nunjuk akan perbuatan mereka agar semua orang tahu.”

Uskup Roma itu menyatakan semasa doa Angelus, November 5, bahawa dua dimensi itu adalah aspek yang perlu kita lihat dalam kehidupan kita sendiri.

Mengimbas kembali bagaimana Yesus menegur kepalsuan kehidupan para pemimpin agama pada zamannya, Sri Paus berkata kita juga, pada masa sekarang, perlu berwaspada terhadap “kedua-dua hati yang membawa bahaya kepada kesejahteraan serta keaslian saksi dan kredibiliti kita sebagai orang Kristian”.

Memandangkan kita adalah manusia yang lemah, maka mempraktikkan apa yang kita khutbahkan tidak selalunya mudah, ujar Sri Paus.

Dan ini benar terutamanya apabila kita memegang peranan tanggungjawab dalam kehidupan, masyarakat atau Gereja.

Prelatus itu menegaskan, “Mari kita ingat ini: praktik apa yang kita ucapkan! Peraturan ini sentiasa sah untuk seorang imam, seorang pekerja pastoral, seorang ahli politik, seorang guru, atau ibu bapa: apa yang anda katakan, apa yang anda khutbahkan kepada orang lain, komitedlah untuk menjalaninya terlebih dahulu.”

“Untuk menjadi guru yang dihormati,”



Gambar ilustrasi: Devosi dan perbuatan baik kita hendaklah dari hati yang tulus, bukan menunjuk-nunjuk — Sri Paus Fransiskus.

tambahnya, “kita perlu menjadi saksi yang boleh dipercayai, seperti yang diinatkan oleh Sto Paulus VI.”

Aspek kedua yang ditegur oleh Sri Paus ialah apabila pemimpin agama pada zaman Yesus menumpukan luaran bukan batin atau hati mereka.

“Ahli-ahli Taurat fan Farisi hidup dalam kepalsuan, mereka menyembunyikan kelemahan mereka dan memperlihatkan reputasi baik tetapi sebenarnya mereka tidak konsisten serta tidak melakukan perintah agama yang betul,” kata Sri Paus.

“Sesungguhnya jika masyarakat pada masa itu mengetahui isi hati mereka, ten-

tulah mereka akan malu dan akan hilang kredibiliti.”

“Ini adalah penyakit yang mengerikan, terutamanya bagi kita orang Kristian — apabila luaran diagung-agungkan berbanding kemurnian hati. “Kadang-kadang, Gereja sendiri tergoda untuk menjaga reputasi tetapi kita harus mengambil berat tentang pedalaman iman dan kemurnian hati supaya menjadi orang Kristian yang konsisten dan boleh dipercayai.”

Pada akhir Angelus, Sri Paus menyeru umat Kristian untuk bertanya kepada diri sendiri apakah kita mempraktikkan apa yang kita ucapkan? — *media Vatikan*

Asmara dan romantisme yang sihat ...

Jatuh cinta, sejuta rasanya. Kalau boleh, kita mahu berkasih dengan siapa sahaja yang kita mahu.

Tetapi tentu tidak dapat demikian, kerana manusia adalah mahluk berakal budi, ciptaan tertinggi yang dikaruniai hikmat untuk mengikuti norma-norma kebaikan dari hati nuraninya.

Kerana manusia mempunyai martabat paling tinggi sedemikian, dan diamanahkan oleh Tuhan untuk mengurus alam ciptaan dengan akal budinya, maka setiap tindakannya harus berdasarkan tujuan yang mulia dan menghormati martabat manusia. Ini termasuklah dalam hal berkasih (berpacaran).

Motivasi sejati dalam berkasih mengarahkan muda mudi untuk berpacaran dengan

sihat dan mencapai tujuannya yang benar dalam memuliakan martabatnya sebagai manusia sesuai dengan tugas dan panggilan Tuhan baginya.

Sebaliknya, bercinta sekadar kerana status, demi ego peribadi, demi memuaskan dorongan seksual semata-mata atau untuk sekadar bersenang-senang lalu berpotensi menimbulkan kesedihan, misalnya melukakan hati seseorang, merosakkan hubungan baik bahkan kehamilan di luar nikah, atau perkahwinan bawah umur yang terpaksa dijalani kerana kehamilan di luar perkahwinan dan bukan didasari oleh cinta yang sejati.

Berkasih bukan lagi berjuta bahagia tetapi berjuta masalahnya.

Percintaan yang sihat didasari oleh kasih

yang tulus dan dorongan mencari pasangan hidup yang tepat, di mana kedua-dua insan berusaha saling mengenal peribadi satu sama lain, mengembangkan cinta kasih sejati, untuk kemudian berkahwin, membentuk keluarga yang dikuduskan dalam sakramen Gereja-Nya.

Jika kita bercinta kerana mahu menemui pasangan hidup yang tepat sebelum memasuki jinjang perkahwinan dan membentuk keluarga yang bahagia, pacaran yang sihat melibatkan sebuah proses.

Proses untuk saling mengenal dan mengerti satu sama lain, mengembangkan sikap saling menerima kelemahan dan kelebihan satu sama lain, latihan mengendalikan diri dan bertanggung jawab, latihan untuk berbhagi, untuk mendahulukan kepentingan pihak lain dalam semangat saling melayani, latihan menikmati kebersamaan dan berbhagi sukacita bersama.

Dan yang amat penting ialah latihan menjaga kemurnian. Kerana “Tuhan memanggil kita bukan untuk melakukan apa yang cemar, melainkan apa yang kudus” (1 Tes 4 :7).

Walaupun sedang dalam suasana asmara dan romantisme, pasangan yang berpacaran tetap tidak boleh melupakan realiti kehidupan, yang tidak selalunya manis.

Jangan hanya menghabiskan waktu berdua tetapi luangkan waktu mengunjungi mereka yang sedang mengalami kesusahan, sakit, orang-orang yang kesepian atau warga emas dan melakukan pelayanan kasih bersama rakan belia. — *Aleteia*



Walaupun sedang dalam suasana asmara dan romantisme, pasangan bercinta hendaklah jangan lupa realiti kehidupan.

PENULIS BERKICAU

Berteologi dengan indah

Beberapa minggu lalu, dalam mukadimah “*Ad theologiam promovendam*” (Untuk Mempromosikan Teologi) Sri Paus Fransiskus menyerukan “revolusi kebudayaan yang berani” dan komitmen terhadap dialog dalam terang Injil.

Saya tertarik dengan gesaan Sri Paus Fransiskus yang menghimbau “anjakan paradigma” dalam teologi Katolik dengan melibatkan sains kontemporari, budaya, dan pengalaman hidup orang ramai sebagai titik permulaan yang penting.

Ini mengingatkan saya tentang apa yang saya belajar tentang teologi suatu ketika dahulu. Saya masih ingat definisi teologi yang saya fahami ketika itu “iman yang mencari pengertian (*faith seeking understanding*)”, seperti yang dikatakan oleh Sto Anselmus.

Dalam Katekismus Gereja Katolik, yang memetik kenyataan Sto Agustinus, “Aku percaya supaya mengerti, dan aku mengerti supaya percaya lebih baik.” Dengan iman, kita dapat mengerti. Sama seperti ketika Rasul Yohanes melihat kubur yang kosong dan kemudian dia percaya (lih. Yoh 20:8). Maka, untuk dapat percaya atau beriman dengan lebih baik, kita juga perlu mengerti apa atau siapa yang kita imani.

Mungkin ramai di antara kita yang mengatakan tidak mampu untuk mengambil kursus teologi.

Sesungguhnya, kita boleh belajar daripada para kudus yang telah memberikan kita teladan — mereka menempatkan kebenaran di atas kepentingan peribadi, menempatkan kebaikan menurut kehendak Tuhan bukan diri sendiri.

Kita juga dipanggil dan diajak untuk mengambil bahagian secara aktif dalam proses berteologi semacam ini. Kalau semakin ramai umat aktif berteologi, maka benih-benih iman akan semakin banyak ditaburkan.

Jika semakin ramai umat mempunyai dasar-dasar yang baik dalam melakukan teologi, maka benih-benih yang bermutu akan semakin banyak ditaburkan dan akan semakin menghasilkan banyak buah.

Bapa Suci Fransiskus juga menegaskan teologi harus “berkembang dalam budaya dialog dan pertemuan antara tradisi dan disiplin yang berbeza, antara denominasi Kristian dan agama yang berbeza.

Saya teringat beberapa ketika dahulu, seorang ahli keluarga kami, seorang remaja perempuan yang baru sahaja tamat belajar namun berkeras untuk pindah agama kerana mahu mengikuti iman kekasihnya. Situasi itu mengundang pergaduhan, perdebatan dan hubungan keluarga juga semakin renggang.

Namun, penerapan teologi telah menyebabkan remaja itu kembali mengimani Kristus. Proses itu sangat panjang dan melelahkan tetapi dengan melibatkan dialog dalam teologi, dia kembali memikirkan tentang keindahan Sakramen-sakramen Gereja Katolik, khususnya Ekaristi dan Pengampunan Dosa, tentang kehidupan para Kudus yang hidup dalam terang Kristus, tentang kebenaran yang bersifat mutlak, iaitu Tuhan kerana Tuhan adalah kebenaran itu sendiri (lih. Yoh 14:6).

Seperti para Kudus, marilah kita menampakkan keindahan ajaran iman Katolik dalam hidup kita sehari-hari.

KENYATAAN MISI HERALD

HERALD adalah Minggu Katolik Gereja Malaysia. Ia berusaha untuk menyampaikan berita-berita terkini, nilai-nilai Kristian dan berusaha untuk berdialog dengan semua sektor masyarakat untuk membina komuniti beriman kepada Tuhan yang harmoni. Kami menyokong pembentukan Gereja dan menggalakkan umat awam dan religius untuk membuat keputusan moral di arena luar Gereja.

Roh Kudus tidak pernah gagal

KOTA KINABALU: CHARIS Malaysia yang ditubuhkan pada Ogos 10, 2020, buat pertama kalinya mengadakan pertemuan fizikal pada Oktober 25 lalu di Vianney Home di kawasan Katedral Sacred Heart.

Mesyuarat agung ini dihadiri 21 pemimpin Pembaharuan Karismatik Katolik (CCR) dari semua Keuskupan/Agung kecuali Sibu.

Pertemuan itu dimulakan dengan sesi pujian dan penyembahan, diikuti ucapan alu-aluan oleh Kardinal Sebastian Francis.

Dalam mesyuarat itu, setiap Keuskupan membentangkan laporan ringkas mereka tentang program-program CCR sejak tiga tahun lalu.

Kebanyakan perkumpulan CCR telah mengadakan banyak aktiv-

iti misalnya Seminar Hidup Baru Dalam Roh manakala beberapa paroki telah menghidupkan kembali sesi-sesi penyembuhan dan formasi jangkauan.

Kardinal Sebastian yang menyertai pembukaan Misa Kudus pembukaan Sidang Sinode para uskup ke-16 di Vatikan pada Oktober 4 yang lalu, prelatus itu mengatakan, "Saya berasa teruja kerana Roh Kudus tidak akan gagal memimpin Gereja dan Sinode!"

Oleh itu, Kardinal Sebastian menyeru para perwakilan untuk memperbaharui komitmen mereka dalam pelayanan pembaharuan Karismatik Katolik dan selalu memohon Roh Kudus untuk bimbingan-Nya.

Prelatus itu turut berkongsi



Tim CHARIS Keuskupan Agung Kota Kinabalu bergambar bersama Kardinal Sebastian (empat dari kiri).

pandangannya tentang Gereja di Asia, menekankan kesatuan dalam kepelbagaian budaya serta agama di Asia, kreativiti, dan pembinaan persahabatan antara iman.

Pengerusi CHARIS Malaysia, Sdra Anthony Lim, menerangkan visi Sri Paus untuk CHARIS Malaysia. Beliau menghuraikan visi

Sri Paus Fransiskus untuk CHARIS, termasuk perkongsiannya tentang pembaptisan Roh Kudus dengan semua umat Gereja, bekerja ke arah perpaduan Kristian, dan prihatin kepada mereka yang memerlukan.

Kemuncak mesyuarat agung ini ialah pemilihan dan pelantikan barisan ahli jawatan kuasa CHARIS

Malaysia bagi penggal 2023/2026.

Uskup Agung John Wong dari Kota Kinabalu, terpilih sebagai Penasihat Episkopal CHARIS Malaysia, menggantikan Kardinal Sebastian.

Mesyuarat agung diakhiri dengan berkat daripada Uskup Agung John dan Kardinal Sebastian.

Perhimpunan Pastoral Paroki Gereja Risen Christ, Kuala Lumpur

KUALA LUMPUR: Gereja Risen Christ, Kuala Lumpur, telah mengadakan Perhimpunan Pastoral Paroki (PPA) pada Oktober 29 lalu, yang dihadiri oleh kira-kira 150 umat. Msgr Jude Miranda telah dijemput untuk memimpin perhimpunan PPA tersebut.

Bahagian pertama PPA diadakan sebelum Misa Senja. Ia dimulakan dengan doa Sinode, diikuti ucapan Pengerusi Majlis Pastoral Paroki, Jennifer Sikayun.

Kemudian, Pengerusi Majlis Koordinasi Paroki, Gerard Anthony, membentangkan aktiviti-aktiviti paroki yang telah dijalankan dari bulan Januari hingga Oktober tahun ini.



Jennifer juga telah membentangkan hasil tinjauan pendapat umat yang telah dijalankan pada awal

Oktober yang lalu tentang empat fokus Paroki iaitu Iman dan Kero-

hanian, Keterikatan, Pembentukan, dan Misi/Khidmat Masyarakat. Keseluruhannya, keputusan adalah baik dan terdapat banyak ruang untuk penambahbaikan.

Bahagian dua dan tiga PPA diadakan selepas Misa Hari Minggu. Msgr Jude Miranda menjelaskan konsep Perbualan dalam Roh Kudus untuk merenung dua soalan: a) bagaimana kita dapat mendalami rasa keterikatan kita kepada Tuhan dan sesama kita? b) nilai-nilai murni yang perlu ditekankan bagi memupuk semangat rasa kekitaan atau keterikatan (Sense of Belonging) di paroki.

Dua soalan itu direnungkan dalam kumpulan-kumpulan kecil. Perbualan dalam Roh Kudus

mendorong umat menyuarakan ulasan, pendapat, kritikan dan cadangan yang membantu merapatkan hubungan di kalangan umat paroki.

Selepas makan tengah hari, bahagian tiga memerlukan peserta memilih tiga nilai yang perlu ditekankan, dan semua yang hadir sepakat untuk memilih nilai Mengalu-alukan (*Welcoming*), Penerimaan (*Acceptance*), dan Penyer-taan (*Participate*).

Dengan tiga nilai ini, ia diterapkan dalam perancangan aktiviti paroki 2024. PPA diakhiri dengan ucapan terima kasih daripada Paderi Paroki dan doa Sinode. —

Crystalia Majinor

Kebahagiaan sejati ditemui dalam Ekaristi



MELAKA: "Mudah untuk mencintai Tuhan tetapi sangat sukar untuk mengasihi sesama. Tetapi jika kita mempunyai niat yang betul dan dengan bantuan Roh Kudus, kita akan dapat mengasihi sesama dan alam ciptaan," kata Fr Moses Rayappan kepada sebelas orang kanak-kanak yang menyambut Komuni Pertama, baru-baru ini.

Terlebih dahulu, kanak-kanak ini telah dipersiapkan dalam rekoleksi yang dikendalikan oleh Sr Liza Anggie, FSIC di Chapel St Mary Ayer Salak.

Selepas Misa Kudus, diadakan

acara persaudaraan bagi meraikan kanak-kanak yang menerima Tubuh dan Darah Yesus buat pertama kalinya.

Reo Roy, Alexius Avan dan Kelvister Kelzey, antara kanak-kanak yang menerima Komuni pertama mengongsikan perasaan mereka yang teruja menerima Sakramen Ekaristi.

Mereka juga tekad untuk belajar mencintai Yesus dengan datang ke Gereja setiap hari Minggu serta dengan mengikuti kelas minggu secara konsisten. — *Willi Roy Poumin*

Tema Hari Minggu Kateketikal 2024: Kita adalah Pengurus Ciptaan Tuhan

KUALA LUMPUR: Komisi Kateketikal Malaysia (MCC) di bawah Konferensi Para Uskup Katolik Malaysia telah mengeluarkan tema Hari Minggu Kateketikal yang akan dirayakan pada Januari 2024.

Uskup Joseph Hii, Presiden Episkopal Komisi Kateketikal Malaysia mengatakan dalam perjalanan menuju Konvensi Pastoral Malaysia 2026, yang menumpukan empat perkara utama iaitu Keluarga, Gereja, Ekologi dan Komuniti, maka MCC memilih untuk menumpukan perkara Gereja dan Ekologi untuk tahun 2024.

Dengan tema: Kita adalah Pengurus Ciptaan Tuhan (*1 Petrus 4:10*), ia mengingatkan umat beriman bahawa Gereja Katolik yang Kudus mengajarkan setiap manusia mempunyai hak untuk diperlakukan dengan bermaruah, sistem sosio-ekonomi dalam masyarakat yang tidak mengindahkan maruah manusia dengan membiarkan mereka miskin dan serba berkekurangan

adalah dianggap tidak adil dan mesti diubah (*Evangelii Gaudium*, 153). Ini termasuklah cara masyarakat manusia menjalankan peranannya sebagai pengurus ciptaan Tuhan.

Bumi kita kini telah sampai di titik krisis alam sekitar yang teruk.

Namun harapan selalu ada untuk "bangkit" dan "memilih apa yang

baik" untuk bumi kita! (*Laudato Si*, 205).

MCC juga telah menyediakan kit atau alat bantu yang mengandungi pesan Hari Minggu Kateketikal 2024, renungan dan cadangan bagaimana menjadi pengurus ciptaan Tuhan serta doa untuk bumi kita.



Pembaharuan komitmen para pembimbing Kateketikal, antara aktiviti sempena Hari Minggu Kateketikal.